

Tun Dr. Mahathir Mohamad

Ucapan Penutupan Sidang Kemuncak KL 2019, oleh Perdana Menteri Malaysia merangkap Pengerusi Sidang Kemuncak KL 2019, Tun Dr. Mahathir Mohamad, pada 21 Disember 2019, di Dewan Plenary, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.



Saya benar-benar berharap persidangan selama tiga hari ini dapat memberikan manfaat kepada semua peserta. Kami juga berharap layanan yang diberikan adalah memuaskan dan jika terdapat sebarang kekurangan, kami pohon maaf.

Kami juga berharap semasa anda semua mengambil bahagian dalam Sidang Kemuncak ini, anda telah pun mencuri peluang untuk menerokai Kuala Lumpur. Jika belum, saya berharap anda dapat berbuat demikian pada hari ini selepas Sidang Kemuncak ini melabuhkan tirai.

Sebelum kita mengupas semula tentang perkara yang berlaku, perbincangan, perdebatan dan persetujuan yang dicapai selama tiga hari ini, saya ingin kita semua melangkah setapak ke belakang dan merenung kembali sebab utama Sidang Kemuncak KL 2019 ini diadakan serta apakah harapan yang hendak dicapai?

Diakui, pada awalnya terdapat salah faham tentang niat kita, secara sengaja atau sebaliknya, ada juga yang memandang serong dan berasa curiga. Kini, saya yakin hal ini semakin jelas bahawa pendapat negatif itu adalah salah dan tidak benar. Kita tidak berada di sini untuk menggantikan mana-mana platform Islam yang lain. Kita juga tidak bercadang untuk mewujudkan kategori atau kelas negara-negara Islam yang berbeza atau menjejaskan mereka yang lain. Sidang ini adalah sebuah jemaah yang terdiri daripada beberapa orang pemimpin negara Islam yang ingin berkumpul dan membincangkan tentang kemungkinan kerjasama yang boleh memberikan manfaat kepada negara yang terlibat dan kemudian dibawa ke platform yang lebih besar untuk memberikan manfaat kepada dunia Islam secara amnya.

Sidang Kemuncak KL 2019 MEMBELA UMMAH

PERTAMA sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah bersama-sama kami sejak permulaan Sidang Kemuncak Kuala Lumpur (KL) 2019 yang berlangsung pada Khamis, dan juga bersama-sama mereka yang terkemudian.

Saya sememangnya berbangga dan berbesar hati untuk mengumumkan bahawa Sidang Kemuncak KL 2019 ini menyaksikan sebanyak 18 pertukaran instrumen dalam pelbagai bidang termasuk teknologi tinggi yang maju, kerjasama media, pusat kecemerlangan, keselamatan makanan dan kepimpinan belia serta pertukaran program.



Ideanya adalah untuk bersama-sama menilai kekuatan, kelemahan dan aset kita. Kemudian, kita akan menggunakan kekuatan antara satu sama lain untuk mengatasi kelemahan sebahagian kita yang lain. Ringkasnya, jika seorang daripada kita mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu, kita akan menawarkannya kepada yang lain atau semua negara peserta lain dalam mewujudkan kerjasama yang realistik.

Selain itu, sejak awal kita telah mengenal pasti tujuh tiang utama yang harus diberikan tumpuan:

- i. Pembangunan dan kedaulatan;
- ii. Integriti dan tadbir urus yang baik;
- iii. Budaya dan identiti;
- iv. Keadilan dan kebebasan;
- v. Keamanan, keselamatan dan pertahanan;
- vi. Perdagangan dan pelaburan; dan
- vii. Teknologi dan tadbir urus internet.

Semasa perbincangan bersama-sama dengan pemimpin Turki, Iran dan Qatar, kita semua berkongsi sentimen bahawa bagi memastikan semua usaha ini berjaya, kita perlu membentuk kumpulan awal yang kecil supaya sasaran dapat dicapai dengan segera tanpa gangguan seperti terlalu banyak pendapat dan syarat.

Saya dan pemimpin negara lain telah menjelaskan dengan panjang lebar tentang betapa menyedihkan keadaan dunia Islam pada hari ini. Angka menunjukkan bahawa umat Islam mencecah 1.8 bilion orang dan hal ini bermaksud bahawa kita membentuk hampir satu perempat daripada jumlah keseluruhan populasi manusia, namun, kita kurang mempunyai perwakilan dalam semua bidang di pentas global.

Terdapat juga kebimbangan bahawa umat Islam di negara bukan Islam yang terpaksa menjalani asimilasi. Kita menyokong integrasi, tetapi asimilasi hingga tahap menggugat agama kita adalah tidak dapat diterima.

Kita tidak berada di sini untuk menggantikan mana-mana platform Islam yang lain. Kita juga tidak bercadang untuk mewujudkan kategori atau kelas negara-negara Islam yang berbeza atau menjejaskan mereka yang lain.

Jika negara-negara Islam itu merdeka dan mampu berdikari, kita tidak akan dilayan sedemikian. Namun begitu, kesemua pemimpin empat buah negara berasa terharu dengan hubungan baik persaudaraan dan kemesraan yang semakin erat ikatannya walaupun terdapat pelbagai isu kompleks di kawasan sekitarnya.

Bagi kami, ini adalah inti pati yang akan memastikan sesuatu asas yang mahu dibina itu akan berjaya. Adalah penting untuk saya katakan bahawa Iran secara khususnya, walaupun mengalami sekatan selama bertahun-tahun, tetapi Iran mampu terus maju dan berkembang serta dengan bangganya berdiri sebagai sebuah negara yang memiliki bilangan jurutera keempat tertinggi di dunia. Qatar juga telah mengalami embargo dan seperti Iran, negara tersebut berjaya bangkit dan berkembang dengan hebat.

Walau bagaimanapun, sekatan dan embargo sedemikian tidak dikenakan ke atas Iran dan Qatar sahaja. Dengan negara saksi membuat keputusan sepihak (*unilateral*) untuk mengenakan tindakan yang menghukum, Malaysia dan negara lain harus memahami bahawa perkara yang sama boleh berlaku ke atas negara kita. Atas sebab itulah penting bagi kita untuk berdikari dan bekerjasama dengan negara Islam yang lain supaya apabila langkah itu dikenakan terhadap kita, kita mampu menghadapinya.

Perbincangan kita juga menyentuh tentang perihal mata wang dan cara untuk kita saling

menjalankan perdagangan. Saya telah mencadangkan agar kita menggunakan semula idea berdagang menggunakan dinar emas dan mengamalkan sistem barter sesama kita. Kita sedang meneliti perkara ini dengan serius dan berharap kita semua dapat mencari mekanisme terbaik untuk melaksanakannya.

Tumpuan utama kita ialah ekonomi, sains dan teknologi serta industri pertahanan. Begitu pun, aspek paling penting daripada semua tumpuan utama ini ialah keperluan untuk menghasilkan dan mencipta teknologi asli yang baharu. Selagi kita bergantung pada teknologi yang dicipta oleh musuh Islam, mereka akan selama-lamanya dapat memintas, menguasai dan mengawal usaha kita untuk memperbaiki teknologi dan sistem pertahanan kita.

Saya sememangnya berbangga dan berbesar hati untuk mengumumkan bahawa Sidang Kemuncak KL 2019 ini menyaksikan sebanyak 18 pertukaran instrumen dalam pelbagai bidang termasuk teknologi tinggi yang maju, kerjasama media, pusat kecemerlangan, keselamatan makanan dan kepimpinan belia serta pertukaran program.

Terdapat beberapa lagi perancangan yang sedang diusahakan, iaitu hasil perbincangan yang diperoleh daripada Sidang Kemuncak KL 2019. Hal ini merupakan hasil yang ketara yang dicapai daripada sidang ini dan yang berlangsung sebagaimana yang dibayangkan ketika memulakan program ini.

Biarpun hal ini tidak dapat mengurangkan rasa curiga dan tentangan, ingin sekali lagi diulangi bahawa Sidang Kemuncak KL 2019 ini memberi tumpuan kepada objektif mencari penyelesaian dan program yang kita percaya mampu membantu serta pada akhirnya akan dapat menyelamatkan ummah daripada keadaan mereka sekarang.

Kita telah sampai ke penghujung Sidang Kemuncak KL 2019. Kita tahu, jika kita menguatkan resolusi kita, hal ini ialah permulaan yang baharu. Permulaan yang mendalami apa-apa yang telah diperintahkan dalam al-Quran, bahawa Allah SWT tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum selagi mereka tidak mengubah keadaan mereka sendiri.

Hal itulah yang kita harapkan untuk dijayakan. Kita mahu menyelamatkan diri kita dan umat Islam lain di samping akan terus bertahan dalam usaha ini. Kita semua berharap dari saat ini, saudara Muslim yang lain akan melihat sendiri apa-apa yang kita ingin lakukan adalah untuk menyatukan ummah melalui teknologi strategik dan kemajuan.

Menggali ilmu pengetahuan adalah satu-satunya harapan kita untuk menghentikan umat Islam daripada berterusan dibuli dan dianiaya oleh musuh-musuh kita. Dengan itu, kita harus menguatkan kembali kepercayaan kita bahawa semua umat Islam adalah bersaudara dan langkah kecil yang diambil ini akan menjadi permulaan perjalanan yang panjang serta bermanfaat kepada seluruh ummah. Semoga Allah SWT membantu dan membimbing kita dalam usaha ini.